

# 5 rampasan dadah terbesar dalam sejarah Malaysia

## 1. Dadah 16 tan bernilai RM5.2 bilion dirampas

**23 Mac 2021** - Pihak berkuasa Malaysia berjaya melumpuhkan kartel dadah antarabangsa sekali gus merampas dadah jenis amphetamine seberat 16 tan dengan nilai RM5.2 bilion.

Kartel pengedaran dadah antarabangsa itu melibatkan pil captagon yang disyaki mengandungi dadah jenis amphetamine di Pelabuhan Klang, Selangor.

Hasil pembongkaran menjumpai anggaran sebanyak 94.8 juta biji pil captagon disyaki mengandungi dadah jenis Amphetamie yang disorokkan di dalam tayar troli.

## 2. 12 tan kokain dalam arang batu bernilai RM2.4 bilion dirampas

**10 September 2019** - Polis menumpaskan sindiket penyeludupan dadah antarabangsa apabila merampas 12 tan kokain dicampur dengan arang batu bernilai RM2.4 bilion dalam tiga kontena di Terminal Kargo Utara Butterworth.

Sindiket membawa dadah dalam 60 guni arang batu daripada Amerika Selatan itu berjaya ditumpaskan menerusi Op Eagle yang dijalankan di sekitar Butterworth dan Bayan Baru di Pulau Pinang serta Padang Serai, Kedah.

### **3. Polis Johor rampas dadah RM201.8 juta**

**17 Januari 2021** - Polis Johor merampas pelbagai jenis dadah dianggarkan bernilai RM201.8 juta yang juga terbesar dalam sejarah Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik (JSJN), hasil serbuan selama dua hari di sekitar bandar raya, Johor Bahru.

Ketua Polis Johor, Datuk Ayob Khan Mydin Pitchay berkata, dadah yang boleh menampung permintaan kira-kira 11.3 juta penagih itu dirampas selepas polis berjaya membongkar tiga stor penyimpanan dalam serbuan terbabit.

### **4. Risikan setahun bawa rampasan dadah RM125.8 juta**

**12 Januari 2021** - Polis Johor merampas pelbagai jenis dadah bernilai RM125.8 juta yang boleh menampung 5.4 juta penagih, dalam 16 serbuan dilakukan yang dilakukan selama dua hari.

Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik (JSJN) Bukit Aman, Datuk Razarudin Husain@Abd Rasid berkata, risikan selama setahun berjaya menemui sindiket penyeludupan dan pengedaran dadah yang beroperasi di dua rumah yang dijadikan stor penyimpanan dan makmal memproses dadah.

### **5. Kastam rampas dadah RM100 juta**

**9 Jun 2020** - Jabatan Kastam Diraja Malaysia (Kastam) merampas 2,500 kilogram dadah jenis ketamin bernilai RM100 juta yang berselindung produk susu unta dan susu kambing pracampuran keluaran tempatan.

Ketua Pengarah Kastam, Datuk Abdul Latif Abdul Kadir berkata, rampasan itu dilakukan susulan daripada penahanan sebuah kontena di Pelabuhan Klang, Selangor, pada 4 Jun 2020.